



LANJUTAN PENUTUPAN SEMENTARA CAWANGAN DUNGUN

1. Adalah dimaklumkan bahawa penutupan CBP cawangan Dungun dilanjutkan sehingga 4 Ogos 2021 dan akan beroperasi semula pada 5 Ogos 2021.
2. Lanjutan penutupan ini berikutan nasihat dari Pejabat Kesihatan Daerah Dungun bagi meminimalkan penularan wabak Covid-19 di samping bagi memastikan premis CBP sentiasa selamat dan bebas dari virus Covid-19.
3. Para pelanggan masih boleh melakukan transaksi dalam talian melalui laman web CBP di www.cbp.com.my atau melalui aplikasi mobil MyCoopbank atau ke cawangan CBP yang lain yang berdekatan. Kesemua pelanggan adalah **diwajibkan** memakai pelitup muka (face mask) di sepanjang tempoh berurusan di premis-premis CBP.
4. CBP komited di dalam memastikan kualiti perkhidmatan yang diberikan kepada pelanggan kekal berada di tahap yang terbaik pada setiap masa. Bagi sebarang pertanyaan, pelanggan boleh menghubungi Pusat Khidmat Pelanggan CBP melalui emel info@cbp.com.my atau di talian 1-300-88-7650.

Segala kesulitan amatlah dikesali. Terima kasih.

Unit Komunikasi Korporat
Jabatan Transformasi (transformasi@cbp.com.my)
Co-opbank Pertama
31 Julai 2021

Mengenai Co-opbank Pertama

Co-opbank Pertama (CBP) telah ditubuhkan pada 7 Jun 1950. Pada September 2014, CBP telah diiktiraf oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia dan Bank Negara Malaysia sebagai sebuah co-opbank. CBP mempunyai 28 buah cawangan di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak. CBP menawarkan pelbagai produk perbankan patuh Syariah termasuk perkhidmatan Ar-Rahnu. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.cbp.com.my.